



Unit Strategik Modal Insan Johor  
Johor Strategic Human Capital Unit

## NOTIS MAKLUMAN LANJUTAN BAGI TARIKH TUTUP SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada penyedia perkhidmatan yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang yang dinyatakan bagi perkhidmatan berikut:

NO. SEBUT HARGA	TAJUK	TEMPOH PEMBUKAAN SEBUT HARGA	TARIKH TUTUP
04-2022	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan (Mengawal, Meronda dan Melapor) Tanpa Senjata Di Unit Strategik Modal Insan Johor	13 September 2022 (Selasa)	28 September 2022 (Rabu) pada jam 12.00 tengah hari

2. Dokumen sebut harga boleh didapati di pejabat Unit Strategik Modal Insan Johor (SMI) atau emelkan permohonan kepada urusetia sebut harga:

- Puan Seri Marlina Binti Mostapa  
[serimarlina@johor.gov.my](mailto:serimarlina@johor.gov.my) Tel : 07-266 6603 / 019-755 4340
- En. Muhammad Haizul Bin Abu Samah (pertanyaan berkaitan Teknikal)  
[haizul@johor.gov.my](mailto:haizul@johor.gov.my) Tel: 07-266 6602 / 019-437 2373

Semua kos berkaitan tawaran sebut harga ini adalah menjadi tanggungjawab penyebut harga.

### 3. SYARAT WAJIB penyebut harga :

- Kod Bidang – 220801 Kawalan Keselamatan dan agensi berdaftar dibawah Kementerian Dalam Negeri di bawah Akta Agensi Persendirian 1971 Seksyen 2(a).
  - Bebas dari tindakan tatatertib oleh Kementerian Kewangan.
  - Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia yang masih dalam tempoh sah.
  - Sijil perakuan pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) (Milikan Tunggal/Perkongsian/Syarikat Diperbadankan) - masih dalam tempoh sah.
  - Sijil Pendaftaran SST dengan pihak Kastam Di Raja Malaysia (sekiranya berkaitan).
  - Bebas dari tindakan tatatertib oleh mahkamah Malaysia dan Kementerian Kewangan.
4. Borang tawaran sebut harga dan cadangan spesifikasi teknikal hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan tajuk dan no. sebut harga disebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga atau dihantar ke alamat sebagaimana di bawah.
  5. Unit Strategik Modal Insan Johor tidak terikat untuk menerima tawaran sebut harga terendah atau mana-mana cadangan tawaran. Unit Strategik Modal Insan Johor berhak untuk menerima, menolak atau membatalkan keseluruhan atau sebahagian daripada tawaran sebut harga.
  6. Tawaran sebut harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan. Unit Strategik Modal Insan Johor tidak bertanggungjawab jika kelewatan oleh pihak ketiga seperti syarikat penghantaran atau agen penghantaran.
  7. Dokumen yang diserahkan selepas tarikh tutup akan menjadi hak milik Unit Strategik Modal Insan Johor dan tidak akan dipulangkan. Tempoh sah laku sebut harga adalah selama **90 hari** dari tarikh tutup sebut harga.
  8. Sebut harga ini akan **DITUTUP** pada **28 September 2022** dan dokumen tawaran sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga di:

Unit Strategik Modal Insan Johor,  
No. 2, Jalan Iskandar Putri 1/3,  
Taman Nusantara Prima, 79200  
Iskandar Puteri, Johor.  
(U.P : Pengurus Besar Unit Strategik Modal Insan Johor)

Selawat-lewatnya pada jam 12.00 tengah hari pada 28 September 2022 (Rabu).

(TARINA BINTI AHMAD)

Pengurus Besar,  
Unit Strategik Modal Insan Johor (SMI)

Tarikh: 20/9/2022.